



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PERSIAPAN RAMADAN – MERAIH KETAKWAAN”

8 Mac 2024 / 27 Syaaban 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; sentiasa membersihkan jiwa dari segala dosa, serta menghindarkan diri daripada sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dikembalikan di hadapan Allah SWT dalam keadaan jiwa yang tenang. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “PERSIAPAN RAMADAN – MERAIH KETAKWAAN”

Firman Allah SWT, ayat 183 surah al-Baqarah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿۱۸۳﴾

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”

Insyallah kita akan menyambut ketibaan Ramadan pada hari Selasa, 12 Mac 2024 untuk memenuhi kewajipan menyempurnakan salah satu Rukun Islam, iaitu ibadah berpuasa, menahan diri daripada makan, minum dan melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, bermula daripada terbit fajar hingga terbenam matahari

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



sepanjang bulan Ramadan. Orang beriman dan bertakwa sentiasa merindui kehadiran bulan mulia ini dengan penuh keterujaan dan kegembiraan disebabkan berhasrat mahu merebut segala kelebihan dan ganjaran yang terkandung di dalamnya.

Rasulullah SAW apabila melihat kehadiran anak bulan Ramadan, Baginda akan berdoa sebagaimana yang diriwayatkan daripada Talhah bin Ubaidillah, sabda Nabi SAW:

كَانَ إِذَا رَأَى الْهَلَالَ قَالَ اللَّهُمَّ أَهْلِلْهُ عَلَيْنَا بِالْإِيمَانِ وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ رَبِّي
وَرَبُّكَ اللَّهُ

Bermaksud: Apabila baginda SAW melihat anak bulan, baginda SAW akan berdoa: “Ya Allah keluarkanlah anak bulan ini dengan keberkatan dan keimanan, serta berikanlah keselamatan dan keislaman, Tuhanku dan Tuhanmu (anak bulan) ialah Allah SWT”.

(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Berdasarkan ayat 183 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah, Allah SWT menggunakan perkataan لَعَلَّكُمْ ('la'allakum') yang membawa maksud 'supaya kamu', untuk menjelaskan tujuan mensyariatkan ibadah puasa. Sarjana Islam menghuraikan penggunaan perkataan لَعَلَّكُمْ ('la'allakum') mempunyai tiga peranan:

Pertama: (*Ta'lil*) ibadah puasa dijadikan penyebab keberhasilan takwa.

Kedua: (*Tansib*) ibadah puasa untuk menambah ketakwaan.

Ketiga: (*Turja*) meletakkan sepenuh harapan kepada Allah agar tergolong dalam kalangan orang yang *muttaqin* (bertakwa).

Ketiga-tiga peranan ini menggambarkan betapa besarnya kedudukan takwa yang wajib dimiliki oleh setiap Muslim. Ketika seseorang yang berpuasa berjaya menahan serta mengawal keinginan nafsu, bermakna hati dan akal nya sentiasa bersedia menerima petunjuk Ilahi, sehingga gemar melaksanakan amal kebaikan dan cenderung membuktikan ketaatan kepada Allah SWT. Inilah yang dinamakan takwa, matlamat utama untuk dicapai dalam bulan Ramadan.



Jemaah yang dimuliakan

Ramadan mengandungi pelbagai keistimewaan. Ramadan menyuntik semangat dalam jiwa orang beriman untuk berlumba-lumba melakukan amal kebaikan sama ada amal fardi atau amalan berbentuk mendatangkan kebaikan kepada ummah. Maka sebab itu, Ramadan menjelmakan suasana ibadah yang luar biasa, kehadiran solat berjemaah dan solat terawih di masjid atau bersama ahli keluarga; memberikan kesempatan untuk ummah saling memupuk ukhuwah persaudaraan. Ibadah berpuasa kembali menyuntik sifat ihsan yang sedia ada dalam jiwa Mukmin, sehingga menginsafi akan kesusahan yang dialami oleh golongan fakir miskin yang terpaksa berlapar dahaga kerana tiada makanan atau terputus bekalan makanan. Rebutlah peluang untuk meraih pahala dengan memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan dengan niat ikhlas semata-mata untuk mendapat keredaan Ilahi.

Sebelum tibanya Ramadan, setiap Muslim dianjurkan untuk bermuhasabah diri sebagai persediaan dan persiapan untuk melangkah masuk ke dalam bulan penuh keberkatan ini. Ramadan mestilah disantuni dengan penuh pengharapan, disusuli persiapan kerohanian dan persiapan umum seperti berikut:

Pertama: Berdoa kepada Allah SWT agar diberi peluang, kesempatan dan kesihatan berupaya melakukan ibadah sepanjang bulan Ramadan.

Kedua: Membiasakan diri dengan mengandakan ibadah-ibadah sunat lebih daripada kebiasaan, seperti solat sunat, zikir, istighfar dan selawat.

Ketiga: Memperbanyakkan bacaan dan mengulang hafalan al-Quran.

Keempat: Mengulang kaji hukum hakam berkaitan ibadah puasa.

Kelima: Merancang perbelanjaan juadah berpuasa dan bersahur secara berhemah tanpa membazir.

Keenam: Memperuntukkan sebahagian harta untuk amalan bersedekah, tajaan berbuka puasa di masjid, surau dan untuk fakir miskin, anak yatim serta mereka yang memerlukan.

Ketujuh: Masjid dan surau yang menganjur majlis berbuka puasa hendaklah memastikan kelancaran, menjaga kebersihan dan mengatur kehadiran kanak-kanak tanpa mencetuskan gangguan untuk jemaah beribadah, terutama ketika solat tarawih.



Kelapan: Para peniaga melakukan kegiatan urus niaga dengan jujur, memastikan barangan jualan dalam keadaan baik, bersih, selamat digunakan serta menepati timbangan mahupun ukuran.

Kesembilan: Penganjur bazar jualan juadah berbuka puasa atau pihak berkuasa tempatan menyediakan kemudahan tempat solat bagi memudahkan para peniaga menunaikan solat terutama fardu asar dan maghrib.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Hendaklah dijadikan contoh amalan doa menyambut kedatangan Ramadan yang diamalkan oleh para *salafus* soleh, terdiri daripada sahabat dan tabiin; antara doa yang mereka amalkan ialah:

اللَّهُمَّ سَلِّمْ لِي رَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسَلِّمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلاً

Bermaksud: “Ya Allah, sejahterakanlah aku sehingga datangnya Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagiku dan terimalah dariku (ibadat pada bulan itu).”

Demi memastikan puasa tidak hanya sekadar perbuatan menahan lapar dan dahaga, ibadah puasa hendaklah dilaksanakan menurut aturan syarak berlandaskan wahyu dan sunnah Rasulullah SAW. Khatib menasihatkan agar ummah menjaga adab-adab ibadah puasa, antaranya meninggalkan perbuatan sia-sia, tidak mengumpat, tidak memfitnah, tidak tidur berlebihan pada siang hari, menjaga panca indera daripada mengundang perbuatan dosa, dan menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh mengakibatkan terhapusnya pahala ibadah.

Lihatlah Ramadan yang bakal tiba sebagai medan untuk melakukan perubahan diri ke arah insan bertakwa – insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Ramadan ibarat laut yang dilimpahi pelbagai hasil di dalamnya; beruntung bagi nelayan yang bersungguh-sungguh mengutip hasil sebagai bekalan untuk dibawa pulang.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Ramadan ialah kesempatan untuk ummah merebut sebanyak mungkin ganjaran dan kelebihan kurniaan Ilahi.

Kedua: Perbanyakkan doa agar Allah SWT memberi bimbingan dan kekuatan untuk kita cekal menyempurnakan ibadah puasa dengan hati yang cenderung melakukan amal kebaikan, dan pada masa yang sama meninggalkan segala larangan.



Ketiga : Lakukan persiapan lahiriah daripada segi menjaga kesihatan diri, juga persiapan rohaniyah daripada segi mengukuhkan kekuatan iman.

Keempat: Jauhi perbuatan membazir dengan menyediakan makanan yang berlebihan, atau mengeluarkan perbelanjaan besar yang mengandungi unsur-unsur pembaziran kerana didorong nafsu untuk menjamu selera secara berlebihan, seolah-olah ada pesta makanan semasa berbuka puasa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Kurniai kami, serta ahli keluarga kami, kesihatan untuk membolehkan kami melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan. Buka pintu hati kami dan kurniai kami tenaga untuk melakukan sebanyak-banyak ibadah. Insafkan kami akan pentingnya berjimat cermat, serta jauhi kami daripada dorongan nafsu melakukan pembaziran melalui penyediaan makanan secara berlebihan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.